

TARIKH	AHAD, 9 MAC 2025
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	POLIS JOHOR JUMPA PELBAGAI SISA ELEKTRONIK RM23.8 JUTA
M/S	18
BIDANG	WASTE
KATA KUNCI	WASTE

Polis Johor jumpa pelbagai sisa elektronik RM23.8 juta

Kota Tinggi: Polis Johor menemui pelbagai sisa elektronik (e-waste) bernilai RM23.8 juta dalam serbuan di sebuah premis kilang memproses sisa elektronik haram, di Jalan Lombong, di sini, petang kelmarin.

Turut ditemui di premis berkenaan adalah pelbagai komponen kapal terbang milik sebuah syarikat penerbangan antarabangsa, selain bertong-tong kelongsong peluru dan anak peluru.

Ketua Polis Daerah Kota Tinggi, Superintendan Yusof Othman, berkata 20 anggota dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kota Tinggi menyerbu premis berkenaan kira-kira jam 4 petang kelmarin susulan maklumat daripada Op Luluh.

Katanya, dalam serbuan itu tiga warga asing mengakibatkan seorang lelaki warga China berusia 50 tahun, selain sepasang suami isteri warga Myanmar berusia 24 dan 23 tahun, turut ditahan.

"Hasil pemeriksaan di premis kilang haram itu, polis berjaya merampas 75 guni komponen elektronik seberat 46,214 kilogram (kg); sembilan guni aluminium dan plastik (514 kg); 66 mampat komponen elektronik (103,983 kg) dan 18 mampat wayar elektrik (22,791 kg).

"Turut dirampas 166 guni tembaga (369,954 kg); 62 tong mengandungi metal scrap (29,085 kg); 43 gelung besi dan 10 tong bebola timah dan serbuk besi.

"Polis turut merampas tujuh tong kelongsong peluru serta satu tong anak peluru; tiga *forklift*; sebuah Proton X50, dua unit mangga dan tiga telefon bimbit pelbagai jenama.

"Pelbagai komponen kapal terbang milik sebuah syarikat penerbangan antarabangsa turut ditemui di lokasi dan kini disita Majlis Daerah Kota Tinggi (MDKT) bagi tindakan susulan," katanya pada sidang media di kilang e-waste haram itu, di sini, semalam.

Hadir sama, Yang di-Pertua MDKT, Muhamad Shahrizat Alwee.

Mengulas lanjut, Yusof berkata, hasil siasatan awal premis haram itu sudah beroperasi selama lima bulan memproses e-waste yang diperolehi.

Bagaimanapun katanya, siasatan masih dijalankan berhubung dari mana e-waste dalam jumlah yang begitu besar berada di premis yang terletak di Kawasan Perindustrian Kota Tinggi, Batu 2, di sini.

Beliau berkata, polis menyalah kes berkenaan mengikut Seksyen 8(a) Akta Senjata 1960; Seksyen 6 Akta Peniaga Sekendhend 1946; Seksyen 34B Aktar Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63.

DISEDIAKAN OLEH	1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM
-----------------	--